



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM TERMASUK TEKSI DAN E-HAILING DIBENAR BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP3.0

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan bahawa semua perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam termasuk yang menyediakan perkhidmatan teksi dan e-hailing dibenarkan beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ketat sebagaimana ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang dilanjutkan sehingga 28 Jun 2021.

Namun begitu, bagi memudah cara perjalanan, pemandu teksi diminta mendapatkan surat kebenaran beroperasi dari Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) di <https://application.mot.gov.my>.

Manakala pemandu kenderaan e-hailing pula boleh mendapatkan salinan surat kebenaran MOT yang telah diberikan kepada pihak syarikat (e-hailing operator) masing masing.

Setiap perkhidmatan teksi dan e-hailing dihadkan kepada kapasiti dua (2) orang (seorang pemandu dan seorang penumpang) sahaja. Namun, bagi tujuan perubatan (seperti janji temu hospital berserta surat pengesahan doktor atau vaksinasi yang disahkan melalui aplikasi MySejahtera) atau bagi tujuan kecemasan, tiga (3) orang penumpang termasuk pemandu dibenarkan menaiki sebuah teksi atau kenderaan e-hailing dalam satu masa. Sila rujuk butiran SOP terkini oleh MKN.

Ditegaskan bahawa pengguna mana-mana perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan juga perkhidmatan rel perlu mendapatkan kebenaran rentas negeri atau rentas daerah daripada pihak PDRM sekiranya menggunakan mana-mana mod pengangkutan awam bagi perjalanan yang berkaitan.

Kesemua pemain industri yang telah mendapat kelulusan di bawah SMILE bertarikh sebelum 1 Jun 2021 boleh memuat turun semula surat pengesahan beroperasi di laman web yang sama tanpa perlu mendaftar semula.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

MOT sekali lagi mengingatkan semua pihak termasuk para pemandu dan pengguna perkhidmatan pengangkutan awam agar sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan termasuklah memakai pelitup separuh muka, menggunakan cecair pembasmi kuman dan mengamalkan penjarakan sosial selagi boleh serta mengimbas kod QR MySejahtera.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**12 JUN 2021**

**-TAMAT-**

---

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Hotline 1-800-88-7723  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

